

MPC(GC) 701.16

5 March 2012

Mr Robest Yong
Innovation ambassador
Agensi Inovasi Malaysia (AIM)

JEMPUTAN KE MAJLIS PELANCARAN PENERBITAN “MALAYSIAN INNOVATORS - EVERYONE CAN INNOVATE” PADA 7 MAC 2012 (RABU)

Adalah saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pihak MPC akan mengadakan Majlis Pelancaran Penerbitan “*Malaysian Innovators – Everyone Can Innovate*” pada 7 Mac 2012 (Rabu) bertempat di Hotel Hilton, Petaling Jaya, Selangor. Majlis ini adalah gabungan dengan tiga lagi program lain di bawah acara tahunan CREANOVA 2012 yang akan dirasmikan oleh Y.B. Dato’ Mukhriz Tun Mahathir, Timbalan Menteri, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Program-program lain adalah *Seminar on Material Flow Cost Accounting (MFCA)*, Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) antara MPC dan BERNAMA dan Majlis Penyampaian Anugerah Pertandingan Fotografi Produktiviti 2011. Sehubungan dengan itu, pihak MPC dengan berbesar hati menjemput tuan ke majlis pelancaran tersebut.

3. Butiran Majlis adalah seperti berikut:

Tarikh : 7 Mac 2012 (Rabu)

Masa : 9.00 pagi – 10.30 pagi

Tempat : Crystal Ballroom, Hotel Hilton, Petaling Jaya

4. Saya, bagi pihak MPC terlebih dahulu ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas sumbangan tuan untuk menjayakan penerbitan “*Malaysian Innovators – Everyone Can Innovate*”.

Sekian.

(MOHD RAZALI HUSSAIN)
Ketua Pengarah
Perbadanan Produktiviti Malaysia